

# Tahniah USIM diberi pengiktirafan

MAJLIS Perwakilan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (MPP USIM) mengucapkan tahniah kepada pihak pentadbiran USIM kerana telah disenaraikan bersama 13 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) daripada 35 institusi pengajian tinggi (IPT) yang diberi pengiktirafan cemerlang menerusi Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi pada tahun 2011 (SETARA '11). USIM memperoleh penarafan TIER 5 bersama dengan 13 buah IPTA lain.

Selain USIM, IPTA yang turut disenaraikan cemerlang adalah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknologi Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Sesungguhnya kejayaan ini adalah dengan keizinan Allah SWT jua, di samping usaha yang berterusan oleh Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda, Naib Canselor USIM serta kerjasama yang utuh antara warga USIM. Semoga USIM terus memacu kecemerlangan pada masa depan dalam memenuhi visi USIM, 'Memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan'.

**MOHAMAD RAZIF  
MOHAMAD FUAD**

Yang Dipertua  
Majlis Perwakilan Pelajar  
2012/2013  
Universiti Sains Islam  
Malaysia